

# Merbok & Jerai

## Sejarah yang Berbisik

Editor  
**Syazliyati Ibrahim**



Hakcipta terpelihara © 2018 Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan nisip kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik,fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400, Merbok, Kedah, Malaysia.

Editor : Syazliyati Ibrahim  
Rekabentuk kulit buku : Asrol Hasan  
Susunatur : Asrol Hasan

**ISBN 9789670314396**

Cetakan oleh: Perpustakaan Sultan Badlishah  
Universiti Teknologi MARA Kedah,  
08400 Merbok,  
Kedah,  
Malaysia.

## **PENGHARGAAN**

Proses dokumentasi hasil penyelidikan yang dijalankan di sekitar Merbok dan Gunung Jerai ini tidak akan berjaya tanpa sokongan padu daripada pelbagai pihak sama ada individu ataupun institusi. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih dihulurkan kepada:

- 1 Kerajaan Negeri Kedah Darulaman.
- 2 Dato'Tajul Urus Mat Zain, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Kedah
- 3 Rektor, UiTM Cawangan Kedah. Dr. Asmadi Mohammed Ghazali
- 4 Penduduk-penduduk Kampung Bujang, Kampung Segantang Garam, Kampung Kuala Segantang Garam, Semeling, Gunung Jerai, Kampung Bukit Acheh, Tanjung Dawai dan Kampung Acheh.

ISI KANDUNGAN

## **MERBOK DAN JERAI : SEJARAH YANG BERBISIK**

Muka Surat

Penghargaan	i
Kata-kata aluan	iv
Pengenalan	vii
BAB 1	1
Islam di Kedah: Fajar Iman Nusantara <i>Ahmad Yumni Abu Bakar</i> <i>Maznah Wan Omar</i>	
BAB 2	9
Tanjung Dawai : Antara Lautan dan Kehidupan <i>Maznah Wan Omar</i> <i>Mazlifa Md Daud</i> <i>Norhayati Ismail</i>	
BAB 3	31
Ada Apa Pada Nama? Ceritera Yang Terungkap Disebalik Asal Usul Nama Kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai <i>Syakirah Mohammed</i> <i>Syatirah Abu Bakar</i> <i>Sarah Sabir Ahmad</i> <i>Nur Irinah Mohd Sirat</i>	
BAB 4	42
Ban Merbok : Cahaya di Dalam Kegelapan <i>Syazliyati Ibrahim</i> <i>Fathiyah Ahmad Jali</i> <i>Azfa hanee Zakaria</i> <i>Azni Syafena Andin Salamat</i> <i>Asrol Hasan</i>	
BAB 5	53
Jejak Acheh di Yan : Singkapan Semangat dan Amanat <i>Nor Suhaiza Md Khalid</i> <i>Zarina Mohd Zain</i> <i>Suzei Mat Nurudin</i>	
BAB 6	65
Permainan Tradisional Merbok – Nilam Pusaka Bangsa <i>Azfa hanee Zakaria</i> <i>Asrol Hasan</i> <i>Syazliyati Ibrahim</i> <i>Azni Syafena Andin Salamat</i> <i>Fathiyah Ahmad Jali</i>	
BAB 7	75
Rimbunan Hijau : Khazanah Herba Alam di Merbok <i>Azyyati Anuar</i> <i>Firdaus Abdul Rahman</i> <i>Suhardi Hamid</i>	

BAB 8	Komuniti Cina di Merbok : Keringat Emas di Lembah Bertuah <i>Lee Chai Chuen</i> <i>Nor Azrina Mohd Yusof</i>	81
BAB 9	Gunung Jerai : Pasak Utuh Jelapang Padi <i>Fathiyah Ahmad Jali</i> <i>Azlan Abd Rahman</i> <i>Zaidi Yusoff</i> <i>Asmadi Mohammed Ghazali</i>	97
Kesimpulan		104
Senarai Penulis		106

## KATA – KATA ALUAN

**Sekapur Sireh**  
**YB. Dato' Haji Tajul Urus Haji Mat Zain**  
**Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan**  
**Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman**



Menyingkap sejarah dan menyoroti peristiwa yang melingkari kehidupan sehari-hari sesebuah masyarakat itu merupakan sesuatu yang harus dilakukan oleh kita. Sejarah membawa diri kita ke satu dimensi lalu yang bukan sahaja memberi peringatan bahkan menjadi agen kesedaran dalam memacu masa hadapan. Penelitian kepada sejarah merupakan sesuatu yang penting terutamanya dalam keadaan masyarakat lebih tertumpu kepada aspek pembangunan masa hadapan sahaja.

Penerbitan Buku Sejarah Yang Berbisik merupakan satu inisiatif terbaik dalam memaparkan sejarah-sejarah negeri Kedah Darul Aman, terutamanya di kawasan Tanjung Dawai, Merbok dan Jerai, kepada khalayak pembacanya. Soroton sejarah yang dicanaikan secara santai dan bersahaja ini pastinya mampu menarik perhatian segenap kelompok pembaca dan pastinya juga mampu menarik minat golongan muda untuk menghayatinya.

Jutaan tahniah dan segunung penghargaan dirakamkan kepada Sidang Editorial Sejarah Yang Berbisik atas penerbitan makalah sejarah ini. Barisan penulis dan editor Sejarah Yang Berbisik telah, secara hebatnya, mempersembahkan corak penulis kreatif dan menarik untuk menjadikan naskah ilmu ini diterima ramai. Pastinya kerjasama antara Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah tidak akan terhenti di sini dan akan berlanjutan demi memastikan kelangsungan pembangunan medan ilmu di Negeri kedah akan berterusan.



**Seulas Pinang**  
**YBhg. Dr Asmadi Mohammed Ghazali**  
**Rektor**  
**UiTM Cawangan Kedah**

Sejarah dan kisah yang melatari sesebuah bangsa merupakan satu bidang ilmu pengetahuan yang harus diselidiki secara sistematik dan menyeluruh. Pengamatan nilai sejarah pastinya akan membantu kepada pengertian secara keseluruhan mengenai perkembangan kehidupan mahupun masyarakat dan nilai kemanusian di masa lampau yang boleh dijadikan panduan kepada perencanaan masa hadapan.

Inisiatif Barisan Penulis Buku dan Sidang Editorial Sejarah Yang Berbisik untuk menghasilkan sebuah naskah ilmu yang menghimpunkan pelbagai kisah sejarah, baik yang telah dikenali mahupun tidak, merupakan satu inisiatif terbaik dan murni dalam membantu kepada pemupukan nilai cintakan sejarah dan negara. Pastinya khalayak pembaca akan terpikat dengan corak penyampaian nilai sejarah secara santai seolah-olah sedang pembaca sebuah cerita pendek rakyat. Bahan bacaan ringan yang padat dengan nilai sejarah dan kekitaan. Tahniah diucapkan kepada semua.

Kerjasama dan dorongan daripada pihak Kerajaan Negeri Kedah terutamanya Jawatankuasa Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman pastinya akan mendorong kepada penghasilan lebih banyak makalah-makalah ilmu sejarah yang akan membantu kepada penghasilan komuniti masyarakat yang menyanjung nilai sejarah bangsa dan negaranya. Besar harapan agar kerjasama sebegini akan berterusan tanpa henti dan pastinya selepas ini akan lebih banyak medan ilmu dan sesi perkongsian pengetahuan akan terhasil.



### **Suatu Refleksi**

**PROF. DR. MAZNAH WAN OMAR**  
**Pengerusi**  
**SIG PICE (Special Interest Group – Public**  
**Interest Centre of Excellence)**  
**UiTM Cawangan Kedah**

Kedah merupakan sebuah negeri yang amat kaya dengan sejarah dan menyimpan pelbagai misteri. Asal-usul negeri ini telah bermula berabad lamanya dengan penemuan-penemuan arkeologi yang baharu yang telah membuktikan keutuhan dan kedaulatan negeri Kedah di persada sejarah. Daerah Merbok dan Gunung Jerai merupakan kawasan utama yang mempengaruhi susur galur kewujudan negeri Kedah. Sehingga kini, kawasan Merbok dan Gunung Jerai masih mempunyai tarikan yang tersendiri disebabkan penemuan penting khazanah sejarah dunia seperti candi-candi Lembah Bujang sehinggalah penemuan yang lebih terkini, iaitu penempatan penduduk dan aktiviti sosial mereka di Sungai Batu.

Memandangkan kedua-dua daerah ini sudah terkenal dengan sejarah yang disokong dengan bukti-bukti arkeologi, kehidupan masyarakat di kedua-dua kawasan tersebut sudah pastinya turut berubah mengikut peredaran zaman. Oleh yang demikian, kumpulan penyelidik UiTM Cawangan Kedah, iaitu SIG PICE (Special Interest Group – Public Interest Centre of Excellence) merasakan adalah penting untuk mendokumentasikan aspek-aspek kehidupan masyarakat yang mungkin tidak dapat dibuktikan dari sudut arkeologi. Contoh-contoh aspek kehidupan tersebut seperti cerita asal-usul nama tempat, aktiviti permainan dan rekreasi serta individu-individu yang berjasa yang mungkin tidak dapat dikesan dengan hasil carigali arkeologi. Sehubungan itu, dengan bantuan Dana daripada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, kumpulan ini telah menjalankan penyelidikan dengan merekodkan sejarah lisan daripada penduduk sekitar Merbok dan Jerai untuk memastikan kesinambungan sejarah negeri ini tidak sahaja bergantung kepada bukti arkeologi.

Kisah-kisah yang dikutip daripada penduduk-penduduk kampung di daerah Merbok dan Gunung Jerai yang dibukukan di sini terdiri daripada kisah-kisah yang unik berdasarkan pengalaman hidup mereka seawal tahun 1900 sehingga sekarang. Pelbagai topik yang tersemat di hati penduduk kampung antaranya ialah Islam di Kedah, pembangunan Tanjung Dawai, kesan projek Ban Merbok, komuniti Cina di Semeling sehingga kepada simbol Gunung Jerai kepada rakyat Kedah telah digarapkan di dalam buku ini. Harapan para penyelidik supaya hasil penyelidikan yang diterbitkan dalam bentuk bab dalam buku ini dapat membantu para pembaca mengetahui negeri Kedah amnya dan daerah Merbok dan Jerai khasnya dengan lebih dekat. Sejarah kehidupan penduduk yang dinukilkan ini diharapkan juga kekal menjadi rujukan dan sentiasa berbisik di hati pembaca, bukan lagi hanya berbisik di jiwa penduduk kampung yang akhirnya hilang ditelan kemodenan jika tidak direkodkan.

## PENGENALAN

Kompilasi kisah-kisah yang dikumpul daripada orang-orang kampung sekitar Merbok dan Jerai ini dimulakan dengan nukilan kisah *Islam di nusantara*. Negeri Kedah merupakan negeri di Nusantara yang menerima Islam lebih awal dari negeri Melaka (1414M), Terengganu (1303M) dan negeri-negeri yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu. Islam telah bertapak di negeri ini sekitar tahun 1136M bersamaan 531H. Tokoh yang bertanggungjawab dalam menyebarkan Islam dan mengislamkan Maharaja Kedah ialah seorang ulama yang berasal dari negeri Yaman. Teori kedatangan Islam ke Kedah menunjukkan bahawa Islam telah bertapak di Kedah lebih awal dari negeri-negeri lain di Malaysia. Demikian juga halnya jika berdasarkan kepada catatan ahli sejarah seperti bukti-bukti batu nisan yang telah ditemui, bukti kewujudan alim ulama dan institusi pondok yang dibangunkan dan sebagainya Bab ini juga membahaskan mengenai asal-usul nama Kedah, kerajaan yang memerintah Kedah, lokasinya, Gunung Jerai, tokoh pengasas kerajaan Kedah Tua dan tokoh ulama yang mengislamkan Maharaja Kedah dan rakyatnya serta pemerintahan putera-putera Sultan Muzaffar Shah I dengan lebih mendalam. Perbincangan terakhir diteruskan dengan topik kedatangan Islam ke Kedah lebih awal dari Melaka dan negeri-negeri semenanjung Tanah Melayu.

Seterusnya, bab *Tanjung Dawai – antara laut dan kehidupan*, mengupas keadaan kehidupan penduduk Tanjung Dawai dari segi kegiatan ekonomi dan infrastruktur yang ada untuk kegunaan penduduk tempatan dan pelancong. Tanjung Dawai merupakan satu kawasan muara sungai dengan kebanyakan penduduknya bekerja sebagai nelayan, peniaga, pengusaha makanan laut, dan pengeluar produk hasilan laut. Arked Tanjung Dawai dibina dengan tujuan untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan bermiaga hasilan laut yang diperoleh daripada lautan luas. Infrastruktur asas seperti sekolah, pengangkutan awam, masjid, dan persekitaran Tanjung Dawai juga turut dikupas secara ringkas.

Selain itu, kisah-kisah di sebalik nama-nama kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai, Kedah juga berjaya direkodkan hasil daripada temu ramah dengan penduduk kampung. Antaranya ialah *Ada Apa Pada Nama? Ceritera Yang Terungkap Di sebalik Asal-Usul Nama Kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai*. Nama-nama kampung ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Nama sesuatu tempat kadangkala mempunyai konteks sejarah yang harus dipelihara. Nama sesuatu tempat juga boleh menggambarkan sifat-sifat persekitaran asal yang kini mungkin telah berubah ditelan arus masa dan kemodenan. Hal ini juga boleh memberi gambaran kekayaan warisan, budaya, aktiviti ekonomi, dan identiti masyarakat terdahulu. Asal-usul nama-nama kampung di Merbok dan Bujang yang diperoleh daripada cerita-cerita lisan penduduk-penduduk kampung wajar dicatatkan sementara mereka yang mempunyai pengetahuan tentangnya masih hidup dan sebelum asal-usul tersebut dilupakan.

Kepayahan dan kesusahan hidup penduduk Kedah pada suatu masa dahulu juga direkodkan dalam bab *Ban Merbok: Cahaya di Dalam Kegelapan*. Pada zaman 1960-an, terdapat sebuah projek kerajaan negeri yang dinamakan Projek Ban Merbok. Dahulunya, projek ini dikenali sebagai Program Pamah Kerajaan. Projek ini telah dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Cawangan Kuala Muda, Kedah. Keistimewaan projek ini melibatkan tebus guna tanah di kawasan air masin yang merangkumi kawasan seluas 100 km persegi dan melibatkan 56 mukim. Antara kawasan yang terlibat ialah Merbok, Sungai Baru, dan Bujang. Kisah Ban Merbok dan Kampung Kuala Segantang Garam ini wajar direkodkan bukan hanya atas dasar sebuah projek tebus guna kerajaan. Perkara yang perlu dipelajari di sebalik kisah penerokaan projek Ban Merbok ini sebenarnya adalah tentang kehidupan insan yang dibelenggu kesusahan hidup dan kesanggupan mereka untuk bekerja keras menyahut seruan pihak kerajaan untuk membuka atau memugar satu kawasan hutan paya bakau yang penuh cabaran semata-mata untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik.

Seterusnya, semangat dan jati diri masyarakat Acheh turut dikupas dalam bab ***Jejak Acheh di Yan: Singkapan Semangat dan Amanat***. Kehidupan masyarakat Acheh di Yan, Kedah telah bermula semenjak tahun 1888 lagi. Ada di kalangan mereka yang telah melepas generasi keempat atau kelima yang menetap di Kampung Acheh. Namun, bagi sebilangan kecil masyarakat Acheh yang terdiri daripada generasi ketiga; mereka masih kekal dan kukuh dengan bahasa dan budaya Acheh walaupun telah berlaku asimilasi dengan masyarakat Melayu Kedah. Menelusuri sejarah kedatangan mereka ke Tanah Melayu, terdapat dua versi berbeza yang dapat dikaitkan dengan hal tersebut. Versi pertama merujuk kepada penghijrahan mereka ke daerah Yan pada sekitar kurun ke-18. Versi kedua pula menceritakan sebahagian orang Acheh yang turut sama berhijrah telah mendarat di Langkawi. Masyarakat Acheh sangat kuat berpegang teguh kepada ajaran Islam sehingga mereka membina sebuah sekolah agama seusai kedatangan mereka di Yan. Masyarakat Acheh juga mewarisi keunikan budaya mereka tersendiri, di samping turut aktif bekerjasama mewujudkan gerakan perniagaan bagi mengukuhkan ekonomi mereka. Pelbagai aktiviti telah direncanakan oleh masyarakat Acheh di Yan antaranya penerbitan buletin yang dikenali dengan nama Narit Geutanyo, penulisan kamus Bahasa Acheh-Bahasa Malaysia-Bahasa Acheh, dan pembinaan galeri.

Hasil temu teramah seterusnya direkod dalam bab ***Permainan Tradisional Merbok – Nilam Pusaka Bangsa***. Antara aktiviti masa lapang yang digemari oleh segenap lapisan masyarakat terutama pada zaman sebelum alaf baharu ialah permainan berkumpulan. Permainan berkumpulan yang popular terutama di kalangan kanak-kanak lebih bersifat tradisional kerana turut digemari oleh kanak-kanak pada zaman dahulu. Di Merbok, terdapat beberapa permainan yang amat popular pada zaman 1950-an tetapi sayangnya hampir tidak dikenali oleh generasi pada zaman ini kerana pengaruh perkembangan teknologi terutamanya permainan berteknologi. Oleh itu, langkah untuk mendokumentasikan pelbagai jenis permainan tradisional yang semakin pupus ditelan zaman ini dirasakan amat penting supaya generasi masa hadapan dapat mengenali warisan yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu. Antara permainan tradisional yang dimainkan oleh penduduk kawasan Merbok ialah permainan sole, permainan tuju ayam, permainan poroq, dan permainan kawaq.

Bab ***Rimbunan hijau: khazanah herba alam di Merbok*** pula merekodkan maklumat tentang tumbuh-tumbuhan yang meliar di sekitar Merbok tetapi mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat kampung. Merbok merupakan kawasan yang terdiri daripada pelbagai bentuk muka bumi seperti kawasan tanah pamah, sawah padi, dusun dan kebun getah, paya bakau, rimba belantara dan kaya dengan pelbagai pokok dan tumbuh-tumbuhan. Bagi menelusuri dengan lebih dekat pokok dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sekitar Merbok, temu bual bersama dengan penduduk tempatan dijalankan bagi mendapat gambaran yang sebenar tentang keunikan sejarah, fungsi, dan khasiat di sebalik nama-nama pokok yang tidak pernah dirungkai sebelum ini.

Bab ***Komuniti Cina di Merbok: Keringat emas di lembah bertuah*** pula merupakan sebuah kisah sejarah kedatangan orang Cina ke Pekan Merbok, Kedah. Kesusahan hidup, terpaksa meninggalkan anak isteri di negara sendiri, dan bersendirian di lembah bertuah mengajar kaum Cina yang datang berhijrah ke Tanah Melayu untuk lebih berusaha dan cekal bagi memastikan generasi seterusnya dapat hidup dengan lebih selesa pada masa hadapan. Berpandukan kepada prinsip, ‘biar miskin kehidupan, jangan miskin pendidikan’, pembukaan sekolah pendidikan Cina di Tanah Melayu membuktikan kaum Cina mementingkan pendidikan agar generasi mereka di Tanah Melayu masih dapat mempelajari dan mewarisi kebudayaan serta asal-usul nenek moyang mereka. Kelahiran seorang tokoh pendidikan Cina di Pekan Merbok telah menjadikan lembah bertuah ini terkenal di kalangan masyarakat Cina seluruh Malaysia. Jasa dan sumbangan mendiang Dato’ Lee Sing Chooi dalam bidang pendidikan Cina menjadikan beliau seorang tokoh pendidikan yang disanjungi di kalangan penduduk Cina di Pekan Merbok ini.

Akhir sekali, bab ***Gunung Jerai: Pasak Utuh Jelapang Padi*** merekodkan keunggulan simbol Gunung Jerai kepada penduduk Kedah khususnya yang tinggal di sekitar kaki gunung tersebut. Puncak tertinggi di negeri Jelapang Padi ini yang berdiri teguh pada ketinggian 1,217 meter dari paras laut merupakan salah sebuah pelabuhan entrepot yang gemilang satu masa dahulu. Perbincangan bakal berkisar kepada tiga domain utama, iaitu sumbangan Gunung Jerai kepada nilai ekonomi, hidup dan alam sekitar serta signifikan kewujudannya kepada masyarakat sekitar, khususnya dan seluruh warga Kedah, amnya.

# Tanjung Dawai: Antara Lautan dan Kehidupan

Prof Dr. Maznah Wan Omar

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
[maznah199@kedah.uitm.edu.my](mailto:maznah199@kedah.uitm.edu.my)

Mazlifa Md Daud


Fakulti Perakaunan  
Universiti Teknologi MARA Kedah  
[mazlifa338@kedah.uitm.edu.my](mailto:mazlifa338@kedah.uitm.edu.my)

Norhayati Ismail

Timbalan Ketua Pustakawan  
Universiti Teknologi MARA Sarawak  
[yati@sarawak.uitm.edu.my](mailto:yati@sarawak.uitm.edu.my)

## PENGENALAN

Tanjung Dawai ialah sebuah pekan kecil di negeri Kedah. Pekan kecil ini terletak lebih kurang 74 kilometer dari bandaraya Alor Setar dan 30 kilometer dari bandar Sungai Petani. Tanjung Dawai terletak di dalam daerah Kuala Muda dan Parlimen Merbok. Di antara kampung-kampung yang terletak berhampiran Mukim Tanjung Dawai adalah kampung Kepala Tanjung, kampung KEDA, kampung Huma dan kampung Sungai Pial. Tanjung Dawai terkenal dengan pusat hasilan laut memandangkan pekerjaan utama penduduk di sini adalah nelayan dan petani. Kebanyakan hasil tangkapan laut diproses menjadi ikan masin, ikan kering, ikan bilis, pekasam dan hasilan makanan laut yang lain yang boleh dibeli dengan harga yang sangat berpatutan.



Gambar 2.1: Peta Negeri Kedah




Gambar 2.2: Peta Tanjung Dawai

Lebih dari separuh penduduk Tanjung Dawai merupakan penduduk yang berasal dari negeri Kelantan dan Terengganu. Kedatangan masyarakat luar dari Kelantan dan Terengganu ini juga membawa bersama mereka budaya perniagaan hasilan laut dan aktiviti nelayan yang diamalkan di negeri asal mereka. Kedatangan mereka ada yang membawa pengaruh yang membina dan ada juga membawa pengaruh-pengaruh yang boleh ditinggalkan. Masyarakat dari Pantai Timur ini gemar berkumpul sesama mereka dan terhasil lah budaya mereka sendiri. Kebaikan daripada budaya penduduk Pantai Timur ini ialah terhasilnya aktiviti perniagaan yang dapat meningkatkan ekonomi penduduk di Tanjung Dawai. Dengan penghasilan barang buatan sendiri, hasil daripada tangkapan laut, maka produk ini boleh dipasarkan di Tanjung Dawai. Justeru, aktiviti ekonomi dan pelancongan untuk membeli hasil tangkapan laut dapat ditingkatkan.



Gambar 2.3: Papan tanda menuju ke Tanjung Dawai di hadapan UiTM Cawangan Kedah

Jalan ke Tanjung Dawai adalah laluan sepanjang pantai Laut Selat Melaka hanya mengambil masa 15 minit berkereta dari pekan Bujang. Di laluan tersebut mempunyai beberapa persimpangan ke Gurun, Sungai Petani dan ke Pekan Yan Besar melalui Bukit Tanjung Jaga.





Gambar 2.4 : Pemandangan puncak Gunung Jerai ke Tanjung Dawai

Puncak Gunung Jerai akan menampakkan kelopak banjarannya di setiap selekoh ke Tanjung Dawai. Alangkah indahnya pemandangan ini dengan langit membiru, gunung kelabu dan kaki bukit yang kehijauan. Setiap susur jalan ini pasti tidak akan kehilangan kelibat Puncak Gunung Jerai, melainkan Lembah Bujang diserang sang jerebu atau diselimuti oleh kabus pagi selepas hujan malam.



Gambar 2.5 : Perpustakaan Awam Merbok

Selepas 5 minit dari Pekan Bujang, akan kelihatan tersgam indah Perpustakaan Awam Merbok di sebelah kiri jalan. Perpustakaan ini adalah di bawah naungan Perpustakaan Awam Negeri Kedah Darul Aman dan pengunjung dan keahliannya adalah dari kalangan pelajar sekolah serta penduduk sekitar kawasan dan adakalanya kelihatan meriah dengan aktiviti masyarakat yang dianjurkan. Ini adalah satu tarikan terhadap ilmu dan pencarian maklumat oleh masyarakat sekitar.



Gambar 2.6 : Kilang Perabut Dongwha

Di laluan ini, kita tidak akan terlepas pandangan tentang kewujudan kilang perabut Dongwha yang dimiliki oleh orang Korea yang melabur di rantau ini. Jika dilihat dari pandangan udara, kilang ini kelihatan tersgam indah dengan keluasan yang lebih besar dari Pekan Merbok sendiri. Ia adalah nadi dan punca pendapatan kepada penduduk sekitar Merbok hingga ke Sungai Petani, Semeling, Bedong dan Tanjung Dawai. Di sini juga terdapat mesin ATM CIMB yang memberi khidmat bertahun-tahun lamanya kepada penduduk sekitar Bujang, Merbok, Singkir dan Tanjung Dawai, sehinggalah BSN wujud di Taman Lembah Bujang Indah dan mesin MEPS wujud di stesen minyak Petronas Merbok.



Gambar 2.7 : Mercu tanda Pekan Merbok



Gambar 2.8 : Persimpangan ke Muzium Arkeologi, Lembah Bujang

Menuruni bukit selepas Kilang Dongwha, kita akan melalui jalan dengan mercu tanda Pekan Merbok yang kerap dijadikan tempat tumpuan berfoto kepada pelawat dan pengunjung pekan kecil ini. Sesiapa sahaja akan terpesona dengan keunikan pekan kecil, bermasyarakat majmuk yang hidup secara bersederhana dan harmoni.

Di tengah pekan kecil Merbok, terdapat simpang atau pintu masuk ke Muzium Arkeologi Lembah Bujang yang tersohor serata dunia. Kemasyhuran muzium ini terkenal dengan penemuan candi-candi dan artifak lain tinggalan zaman keagungan Kedah Tua suatu masa dahulu. Pada masa kini, aktiviti arkeologi memang bergiat aktif di sekitar pekan Merbok. Universiti Sains Malaysia memainkan peranan besar dalam bidang ini.

Anak dagang yang merantau dan berasal dari pekan Merbok ini pasti akan merindui pekan kecil yang tenang ini. Nasi lemak daun pisang yang masih berharga RM 0.60 dan roti canai tebaran anak jati pekan Merbok pasti dikenang sentiasa. Pasar Merbok juga sentiasa menjadi tumpuan penggemar daging lembu segar. Kebiasaanannya pekan ini akan lebih sibuk dan meriah di setiap pagi Jumaat dan Sabtu dengan pengunjung yang tujuan untuk membeli barang keperluan sehari-hari.

Gambar 2.9 : Pemandangan Pekan Merbok



Gambar 2.10: Papan tanda SJK (C) Sin Hwa Merbok



SJK (C) Sin Hwa ini merupakan antara sekolah aliran Cina yang terawal dan masih utuh di sini. Ramai alumni nya telah menjadi usahawan yang berjaya dan bersama-sama memberi sumbangan kepada sekolah mereka.



Gambar 2.11 : Papan tanda di Sungai Pial

Selepas melalui pekan Merbok, kita akan melihat papan tanda Sungai Pial yang juga tidak kurang popular dengan kedai makan Naim Gulai Sembilang. Allahyarham Naim adalah sahabat semua orang, tua dan muda. Sentiasa menguntum senyuman apabila menyambut kedatangan penggemar gulai ikan sembilang nya. Manakan tidak, gulainya dimasak berasingan di dalam periuk tanah mengikut permintaan pelanggan dan keenakan resipi rahsianya itu dapat menandingi restoran-restoran hebat di ibu negara. Sungai Pial ini merupakan jalan ‘tikus’ penyeludup-penyeludup beras dari Siam yang hendak mengelakkan diri dari pihak berkuasa. Pada masa kini ia bukan lagi menjadi laluan penyeludup seperti dahulu kala, kerana jalannya telah ditambah baik dan menjadi jalan dua laluan yang sungguh selesa.

Ketika perjalanan kita hampir tiba ke Tanjung Dawai, kedai-kedai sebegini akan mengundang perasaan teruja, terutamanya kaum hawa yang akan terpesona dan tertarik kepada gantungan ikan-ikan kering dan lain-lain barang laut kering. Pemandangan ini agak serupa dengan pekan-pekan yang berhampiran laut yang lain seperti pekan Pangkor dan Dungun tetapi keunikan Tanjung Dawai ini tidak dapat ditandingi iaitu dari segi harga barang yang jauh lebih murah dari tempat lain.



Gambar 2.12: Restoran Naim Gulai Sembilang



Gambar 2.13: Deretan kedai-kedai yang menjual hasilan laut



Gambar 2.14: Kedai-kedai yang menjual barangan hasilan laut

Segala bahan laut kering dan masin yang terjual di sini, dan jangan pelik jika kita melihat bungkusnya tertulis Terengganu tetapi harganya lebih murah dari di Terengganu. Ini adalah satu faktor ekonomi yang dapat dimajukan oleh Kerajaan Negeri Kedah. Perolehan bahan mentah sangat mudah, banyak, serta kemudahan logistik yang hampir dan kesediaan penduduk tempatan untuk berusaha, menjadi pemangkin dan berdaya maju kepada ekonomi masyarakat setempat.



Gambar 2.15: Pandangan dari arah hadapan Pusat Perniagaan Arked Tanjung Dawai Majlis Perbandaran Sungai Petani: Nadi ekonomi Tanjung Dawai



## Tanjung Dawai – Nadi Ekonomi dan Pelancongan

Tanjung Dawai dapat menjadi satu destinasi pelancongan yang sangat berpotensi untuk dimajukan. Sebagai satu destinasi pelancongan, kemudahan infrastruktur yang baik dan lengkap amat diperlukan bagi menarik kedatangan pelancong luar dan tempatan ke Tanjung Dawai yang unik ini. Hasil daripada usaha yang baik, perancangan strategik kerajaan dan penduduk Tanjung Dawai dalam mempelbagaikan produk tangkapan laut dan pembuatan serta pemasaran, kita boleh mendapati bahawa perniagaan mereka bercambah dengan baik sekali. Bagi menggalakkan serta melancarkan aktiviti ekonomi ini, kerajaan negeri Kedah telah membina Arked Tanjung Dawai pada tahun 1993. Arked ini bertujuan untuk menempatkan peniaga-peniaga di kawasan yang strategik agar aktiviti jual beli hasil tangkapan mereka boleh berjalan dengan lancar. Dengan itu, usaha meningkatkan ekonomi penduduk dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Dengan pembinaan pusat perniagaan hasil laut yang dinamakan Arked Tanjung Dawai ini, para penduduk tempatan lebih giat memasarkan segala hasil laut yang mereka usahakan. Arked Tanjung Dawai ialah sebuah bangunan dua tingkat yang menempatkan ruang niaga makanan laut yang diproses di tingkat atas dan restoran makanan laut di tingkat bawah. Kedai-kedai di sini menjadi tumpuan ramai pengunjung yang ingin mendapatkan hasil dari laut seperti ikan bilis, ikan masin, ikan kering, udang kering, sotong kering, pelbagai jenis keropok kering, keropok lekor, ikan pekasam, belacan, asam jawa, makanan ringan dan pelbagai lagi barang makanan dan keperluan dengan harga yang berpatutan terutama sekali pada hujung minggu. Ada pengunjung yang memberikan gelaran “Syurga Hasilan Laut” kepada Arked Tanjung Dawai ini yang dibina teguh di tepi pantai Tanjung Dawai. Jika terdapat perkhidmatan melalui laut yang lebih efektif dan moden, sudah pasti Tanjung Dawai akan lebih popular dan menjadi pusat tarikan pelancong dari jauh dan dekat.

Gambar 2.16: Pandangan dari arah jeti Pusat Perniagaan Arked Tanjung Dawai Majlis Perbandaran Sungai Petani: Syurga Hasilan Laut



Gambar 2.17: Hasilan laut yang dijual di Arked Tanjung Dawai

#### A) Pemasaran dan aktiviti perniagaan produk hasilan laut di Tanjung Dawai – Arked Tanjung Dawai

Produk hasilan laut boleh didefinisikan sebagai produk yang dihasilkan oleh komuniti setempat, dengan menggunakan bahan mentah dari laut yang diperoleh di kawasan tempat tinggal mereka. Di Tanjung Dawai, penduduk setempat mempunyai keyakinan penuh terhadap hasil keluaran mereka, kerana mereka yakin bahawa produk keluaran penduduk di Tanjung Dawai mempunyai kualiti yang baik. Dengan terjualnya produk hasil keluaran penduduk tempatan secara tidak langsung, taraf ekonomi penduduk dapat ditingkatkan. Namun demikian, aktiviti pemasaran yang baik terutamanya kepada penduduk luar dari kawasan Tanjung Dawai ini amatlah penting agar pasaran barang menjadi lebih luas dan besar, seterusnya meningkatkan lagi jumlah jualan, pendapatan dan meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat.

Tempat utama untuk mendapatkan hasil jualan produk laut selain dari kedai-kedai kecil di sepanjang jalan menuju ke pusat bandar Tanjung Dawai ialah di Arked Tanjung Dawai. Kebanyakan penjual/peruncit yang menjual di Arked ini sudah lama berniaga di sini iaitu semenjak Arked ini mula-mula dibuka. Kebanyakan penjual di Arked ini merupakan komuniti setempat di Tanjung Dawai. Pengalaman dan pengetahuan mengenai selok-belok perniagaan di Arked ini amat difahami oleh mereka. Arked niaga merupakan bangunan perniagaan dua tingkat, dengan 22 buah kedai perniagaan. Kesemua kedai perniagaan ini dipe-nuhi dengan perniagaan barang laut yang terdiri daripada ikan bilis, belacan, cincaluk dan ikan masin. Sementara itu, di tingkat dua bangunan ini kebanyakannya restoran makanan. Rata-rata bahan jualan yang dijual di arked niaga ini adalah sama antara satu kedai dengan yang lain. Kesemua peniaga yang ditemui ramah menyatakan bahawa mereka berniaga di situ dengan perasaan tenang kerana masing-masing menganggap hubungan antara satu sama lain adalah seumpama keluarga yang besar.

Selain daripada jualan hasilan dari laut, ada juga beberapa ruang niaga yang menjual pakaian kanak-kanak, pelampung dan mainan kanak-kanak. Di hadapan arked ini terdapat juga peniaga yang menjual air tebu segar, buah berangan, pakaian dan juga air minuman pelbagai perisa bagi keperluan pengunjung yang datang ke Tanjung Dawai. Kawasan Arked Tanjung Dawai ini menjadi tumpuan pengunjung terutama sekali pada hujung minggu dan cuti sekolah.



Gambar 2.18: Tempat parkir kendaraan yang luas bersebelahan Aked Tanjung

Kawasan tempat letak kenderaan di sebelah Arked Tanjung Dawai ini agak luas dan boleh ditempatkan sebagai tapak perniagaan pasar malam mega atau dijadikan "Nat" pada hujung minggu dengan kolaborasi FAMA, MARDI dan sebagainya. Menurut salah seorang penjual di Arked Tanjung Dawai ini, kemudahan tempat meletak kenderaan yang disediakan biasanya penuh kerana arked ini menerima ramai pengunjung dari dalam negeri Kedah maupun luar. Kebanyakan pelancong yang datang ke Arked Tanjung Dawai adalah dari Negeri Kelantan, Terengganu, Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Melaka, dan Perak. Antara faktor lain yang menyebabkan pertambahan pelancong ke Tanjung Dawai ialah apabila ibu bapa dari negeri di luar Kedah datang ke Merbok untuk menghantar anak-anak mereka ke Universiti Teknologi MARA Kedah datang singgah ke Arked Tanjung Dawai. Setelah mereka selesai menguruskan anak-anak, ramai yang meneruskan perjalanan mereka ke Tanjung Dawai untuk membeli buah tangan yang di jual di sini.



Gambar 2.19 : Antara pengunjung Aked Tanjung



Gambar 2.20: Pelanggan restoran Aked Tanjung Dawai

Ruang Arked ini agak selesa dan pengunjung bebas memilih dengan tenang tanpa gangguan kerana para peniaganya tidak agresif memaksa pelanggan untuk membeli seperti di tempat lain. Kedudukannya yang menghadap laut juga memberi pemandangan yang sungguh tenang dan mendamaikan.

Di tingkat bawah arked ini dikhaskan untuk perniagaan makanan. Ada beberapa buah restoran yang beroperasi di sini. Sambil menjamu selera, pelanggan dapat menikmati angin laut sepoi-sepoi bahasa kerana tingkat bawah ini dibina menghadap lautan yang terbentang luas saujana mata memandang. Para pengunjung dari Tanjung Dawai berpeluang ke Pantai Merdeka, menaiki bot nelayan dengan kadar tambang yang sangat berpatutan.

Pelbagai makanan dan minuman yang sangat enak disediakan di sini. Antara makanan yang popular adalah laksa Tanjung Dawai, cendol, ais kacang, dan ikan bakar. Pelbagai menu disediakan oleh para pengusaha restoran di sini untuk pilihan pengunjung dan pelancong dengan harga yang sangat berbaloi.



Gambar 2.21 : Antara menu yang ditawarkan kepada pengunjung restoran

Jika pelancong dari luar berkunjung ke Tanjung Dawai, pasti akan membawa pulang kenangan manis dan indah. Harganya berpututan dan jika pelancong itu datang dari bandaraya, harga pasti dikatakan tersangatlah murahnya.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, 2011 (New Straits Times), tindakan memastikan negara sentiasa bersaing dengan menekankan kepada aktiviti yang boleh ditambah nilai melalui hasil keluaran tempatan yang kompetitif amatlah penting.

Tanjung Dawai merupakan antara pusat makanan laut di negeri Kedah dan lokasi ini merupakan sebuah kawasan yang berpotensi untuk perkembangan industri pelancongan. Sebenarnya, amat baik sekiranya penduduk Tanjung Dawai dapat mewujudkan satu kaedah pemasaran yang dapat membantu mereka memasarkan hasilan laut mereka bukan hanya di peringkat tempatan malah merentasi daerah yang mereka diami. Dengan kaedah yang sistematik tersebut, pendapatan dan taraf ekonomi mereka dapat ditingkatkan lagi.

Kebanyakan pengunjung yang datang untuk membeli-belah di arked niaga ini merupakan pengunjung luar seperti dari Kuala Lumpur, Johor, Alor Setar, Perlis, dan Pulau Pinang. Selalunya, mereka datang ke Tanjung Dawai pada hujung minggu dengan tujuan bercuti.

Peniaga di arked niaga ini mempunyai persatuan peniaga sendiri yang dinamakan "Persatuan Peniaga Arked Tanjung Dawai (PETANDA)". Peniaga di Arked ini menyampaikan keluhan, luahan masalah yang berkaitan dengan perniagaan mereka serta hal-hal lain yang berkaitan kepada persatuan ini. Tugas PETANDA pula adalah menyampaikan luahan dan masalah yang dihadapi oleh peniaga di Arked ini kepada pihak berkuasa agar tindakan yang sewajarnya boleh diambil supaya masalah tersebut dapat diselesaikan dengan segera.

Antara masalah yang kerap dihadapi oleh peniaga di arked perniagaan di Tanjung Dawai ialah:

- 1) Masalah harga barang bekalan yang dijual kepada peniaga oleh pembekal sentiasa berubah-ubah. Setiap kali penjual di Arked Tanjung Dawai membeli bekalan daripada pembekal Cina, harga barang akan dinaikkan. Kenaikan yang berasaskan ini menjelaskan modal penjual. Untuk mengelakkan kerugian, penjual terpaksa menaikkan harga jualan kepada pengguna. Kesananya, sekarang, tidak ramai pembeli dari luar Tanjung Dawai berkunjung ke arked niaga ini untuk membeli produk hasil laut.
- 2) Masalah kedua yang dihadapi oleh penjual di arked niaga ialah produk hasil dari laut yang dijual di arked niaga ini sebenarnya bukan hasil keluaran dari Tanjung Dawai tetapi didatangkan dari Lumut, Perak dan negara Thailand. Barang jualan yang terdapat di arked niaga terdiri daripada sotong kering, makanan kering yang dibuat daripada ikan dan keropok ikan. Ramai pengunjung telah menyuarakan rasa tidak puas hati mereka kerana mereka datang dari jauh untuk ke Tanjung Dawai dengan harapan dapat membeli hasil keluaran penduduk Tanjung Dawai tetapi mereka berasa kecewa dan tertipu kerana sebenarnya, barang jualan bukannya hasil keluaran daripada komuniti Tanjung Dawai.
- 3) Masalah ketiga ialah kurangnya promosi yang dijalankan untuk mewar-warkan tentang barang jualan yang terdapat di arked niaga di Tanjung Dawai serta kewujudan arked niaga itu sendiri yang masih di luar pengetahuan ramai penduduk luar Kedah.
- 4) Peniaga di arked niaga ini sendiri tidak mengambil sebarang inisiatif untuk menggiatkan aktiviti pemasaran dan ramai yang beranggapan bahawa kerajaan patut membantu mereka untuk mengadakan promosi untuk menarik lebih ramai pelancong datang mengunjungi Tanjung Dawai. Dengan kemudahan internet dan jalur lebar pada masa sekarang, peniaga seharusnya menggunakan kemudahan teknologi ini untuk mengiklankan tempat dan barang mereka menerusi media sosial memandangkan kosnya yang sangat menjimatkan dan semua maklumat perniagaan mudah disebarluaskan kepada pengguna di serata dunia. Kekurangan ini boleh diatasi dengan bantuan daripada agensi-agensi kerajaan contohnya seperti universiti, majlis perbandaran, kerajaan tempatan, NGO, dan badan-badan berkanun yang berkaitan seperti kementerian pelancongan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan seterusnya semua organisasi ini boleh turut sama membantu ke arah meningkatkan usaha promosi demi kebaikan ekonomi penduduk Tanjung Dawai.
- 5) Sesetengah peniaga mempunyai pelanggan setia mereka. Walau bagaimanapun, perniagaan yang diusahakan masih tidak menjamin keuntungan yang setimpal seperti yang diharapkan dengan hanya memiliki pelanggan setia.
- 6) Terdapat peniaga yang menjual barang niaga mereka pada harga yang sangat murah. Hal ini menyebabkan peniaga-peniaga lain tidak dapat bersaing memandangkan modal perniagaan mereka kecil. Justeru modal pusingan yang kecil melemahkan perniagaan jika mereka tidak dapat membuat jualan pada setiap hari.

Jarak di antara Tanjung Dawai dan Sungai Petani mengambil masa selama 45 minit perjalanan dengan menaiki kereta. Jarak yang memisahkan Tanjung Dawai dan Sungai Petani hanyalah dalam 30 kilometer sahaja. Waktu jualan produk hasil laut di arked niaga yang paling laris adalah ketika musim cuti sekolah. Jika ada pelanggan datang membeli di arked niaga ini, mereka inilah yang menolong membuat promosi secara percuma dengan mengesyorkan produk yang dibeli kepada rakan-rakan dan keluarga supaya turut datang melawat ke arked niaga ini.



Gambar 2.22: Warung Mak Njang Ikan Bakar Warisan



Gambar 2.23: Restoran Anjung Muara

## B) Restoran makanan laut yang popular di Tanjung Dawai

Terdapat beberapa buah restoran makanan laut yang sangat popular di sepanjang pantai Tanjung Dawai selain daripada restoran yang terletak di tingkat bawah bangunan Arked Tanjung Dawai. Restoran-restoran ini lebih menumpukan kepada konsep menu makanan laut bakar seperti ikan bakar, sotong bakar, kerang bakar dan sebagainya. Di samping itu, pelbagai lagi jenis masakan boleh disediakan mengikut selera pelanggan.

## C) Pekerjaan Penduduk Kampung Tanjung Dawai

Tanjung Dawai yang terletak 30 kilometer dari Sungai Petani mempunyai penduduk yang rata-rata menjalankan pekerjaan sebagai nelayan dan petani. Kedudukannya yang terletak di muara sungai ini menjadi faktor dari struktur geografi yang mempengaruhi corak pemilihan pekerjaan penduduk tempatan. Berdasarkan kepada perangkaan yang diperoleh dari Jabatan Perikanan Malaysia (2002), kebanyakan nelayan di Tanjung Dawai terdiri daripada kaum Melayu dan mereka ini penduduk asal di kawasan Tanjung Dawai yang terletak di selatan negeri Kedah.



Gambar 2.24: Bot Nelayan dan projek ternakan ikan di dalam sangkar di pesisir pantai Tanjung Dawai

#### D) Kemudahan pembelajaran anak-anak di Tanjung Dawai

Untuk kemudahan pembelajaran, terdapat dua buah sekolah di Tanjung Dawai iaitu Sekolah Kebangsaan Tanjung Dawai dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina SJK(C) Choong Cheng. Sekolah menengah yang terdekat ialah Sekolah Menengah Seri Badong yang terletak agak jauh dari Tanjung Dawai, iaitu sekitar 20 minit perjalanan dengan menunggang motosikal.



Gambar 2.25: Papan tanda ke Sekolah Kebangsaan Tanjung Dawai

Untuk kemudahan pembelajaran, terdapat dua buah sekolah di Tanjung Dawai iaitu Sekolah Kebangsaan Tanjung Dawai dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina SJK(C) Choong Cheng. Sekolah menengah yang terdekat ialah Sekolah Menengah Seri Badong yang terletak agak jauh dari Tanjung Dawai, iaitu sekitar 20 minit perjalanan dengan menunggang motosikal.

Sekolah rendah ini merupakan nadi ilmu utama kepada penduduk Tanjung Dawai. Perjalanan untuk menimba ilmu dari penduduk sekitar, tidak hanya terhad kepada murid-murid, guru-guru bahkan juga kepada ibu bapa dan keluarga mereka turut merasa kasih akan bakti sekolah ini. Perjalanan masih jauh untuk ke menara gading dan bagi sebilangan murid-murid, melihat siswa-siswi yang bertandang ke Tanjung Dawai amat menjadi idaman mereka.



Gambar 2.26: Jalan menuju ke Sekolah Kebangsaan Tanjung Dawai

Kira-kira 30 meter menuju ke pintu utama Sekolah Kebangsaan Tanjung Dawai, terdapat sebuah alor kecil yang sangat cantik. Alor kecil ini berpotensi untuk dikomersialkan sebagai sebuah tempat pelancongan yang menarik.



Gambar 2.27: Alor kecil yang menarik terdapat di depan Sekolah Kebangsaan Tanjung Dawai

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Choong Cheng merupakan sebuah sekolah rendah bantuan penuh kerajaan. Majoriti penduduk berbangsa Cina yang mendiami kawasan Tanjung Dawai ini menghantar anak-anak mereka bersekolah di sini. Ada juga sebilangan kecil pelajar yang berbangsa Melayu yang belajar di sekolah ini.



Gambar 2.28: Pemandangan hadapan SJK (C) Choong Cheng



Gambar 2.29: Pemandangan arah depan dan sisi Jeti Tanjung Dawai



Gambar 2.30: Perkhidmatan bot dari Tanjung Dawai ke Pantai Merdeka pergi dan balik



Gambar 2.28: Pemandangan hadapan SJK (C) Choong Cheng

#### E) Kemudahan infrastruktur di Tanjung Dawai

##### i) Jeti Tanjung Dawai

Jeti Tanjung Dawai yang terletak bersebelahan Arked Tanjung Dawai merupakan satu lagi tarikan para pelancong. Jeti ini digunakan oleh pengunjung Tanjung Dawai untuk menaiki bot ke Pantai Merdeka ataupun untuk bersiar-siar melihat panorama indah di sekitar laut Tanjung Dawai. Untuk ke Taman Rekreasi Pantai Merdeka, setiap penumpang dikenakan tambang sebanyak RM2 untuk perjalanan sehala. Masa perjalanan dengan menaiki bot ke Pantai Merdeka hanya mengambil masa antara lima hingga sepuluh minit sahaja. Pengunjung juga boleh menyewa bot dengan kadar RM50 untuk bersiar-siar di sekitar pantai Tanjung Dawai. Pengunjung akan dibawa melihat kegiatan peneranagan ikan dalam sangkar, pulau-pulau yang berdekatan, bot-bot nelayan, dan juga Pantai Merdeka.

##### ii) Masjid

Di kawasan Tanjung Dawai ini juga terdapat sebuah masjid terapung yang terletak di tepi pantai. Jaraknya kira-kira 500 meter dari Arked Tanjung Dawai. Masjid ini telah dibina oleh kerajaan pada tahun 1999. Kemudahan tempat ibadah ini sangat diperlukan oleh para pengunjung yang datang ke Tanjung Dawai kerana tempat ibadah yang selesa dan bersih dapat memberikan satu imej yang baik dan menjadi satu nilai tambah kepada sesebuah tempat tumpuan pelancong.



Gambar 2.31: Masjid Terapung Tanjung Dawai



Gambar 2.32: Kemudahan surau di Tanjung Dawai



Gambar 2.34: Dua lokasi Wi-Fi Komuniti di Tanjung Dawai


Terdapat tiga lokasi Wi-Fi komuniti di sini dan perkhidmatan ini memberikan banyak faedah kepada penduduk Tanjung Dawai bagi memastikan penduduk kampung juga tidak ketinggalan dan berpengetahuan seiring dengan pertumbuhan teknologi.

### iii) Surau

Selain kemudahan masjid, terdapat juga beberapa buah surau di setiap kampung di Tanjung Dawai. Surau-surau ini berperanan sebagai tempat berkumpul para penduduk di sini kerana banyak aktiviti dan program kemasyarakatan diadakan di surau-surau yang terpilih.

### iv) Wi-Fi Komuniti

Selaras dengan perkembangan teknologi, penduduk Tanjung Dawai juga tidak ketinggalan dalam penggunaan internet. Projek Wi-Fi Komuniti disediakan oleh kerajaan di kawasan luar bandar bertujuan untuk membantu rakyat mendapatkan akses internet secara kolektif dan setempat. Projek Wi-Fi Komuniti yang sebelum ini dikenali sebagai Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia, dilancarkan pada tahun 2011 bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan Wi-Fi secara hotspot kepada penduduk setempat di luar bandar.



Gambar 2.33: Antara Wi-Fi komuniti yang terdapat di Tanjung Dawai



Gambar 2.35: Bas MARA Linear dan Tapak parkir untuk kenderaan bas MARA bersebelahan dengan Arked Tanjung Dawai

##### v) Perkhidmatan Pengangkutan Awam

Dari segi kemudahan pengangkutan awam, masyarakat Tanjung Dawai menerima kemudahan yang disediakan oleh MARA Liner. Perkhidmatan bas tambang untuk penduduk di sini untuk ke bandar-bandar yang berdekatan beroperasi sehingga kini. Antara bandar-bandar berdekatan yang menerima perkhidmatan bas dari Tanjung Dawai ialah pekan Merbok dan bandar Sungai Petani.

Bas MARA Liner memberi perkhidmatan kepada penumpang yang berhajat ke Tanjung Dawai pergi dan balik dari pekan Merbok, Sungai Petani, dan bandar-bandar lain di Kedah. Kemudahan ini kurang digunakan oleh penduduk kampung memandangkan ramai di kalangan mereka yang memiliki kenderaan sendiri yang membolehkan mereka bergerak ke tempat-tempat di sekitar Tanjung Dawai, Sungai Petani, dan tempat-tempat lain yang berdekatan.

Di pekan Tanjung Dawai, terdapat dua buah perhentian bas yang disediakan. Hanya sebuah perhentian bas yang berbumbung terletak bersebelahan dengan Arked Tanjung Dawai manakala sebuah lagi terletak berdekatan dengan pantai. Selain daripada bas, pelancong dan penduduk Tanjung Dawai juga disediakan kemudahan pengangkutan bot dari Tanjung Dawai ke Pantai Merdeka dengan kos yang sangat minima iaitu hanya RM2.00 tambangnya untuk perjalanan sehala.

##### vi) Taman Permainan Kanak-Kanak

Sebuah taman permainan kanak-kanak telah dibina di tepi laut untuk kegunaan kanak-kanak beriadah. Taman permainan ini sangat selesa kerana dilengkapi dengan buaian, gelongsor serta jongkang-jongkit. Pemandangan di taman permainan ini sungguh indah kerana terletak betul-betul bersebelahan dengan laut dan dibelai oleh angin laut yang sepoi-sepoi bahasa dan alunan bunyi ombak yang mendesir merdu.



Gambar 2.36: Taman permainan kanak-kanak



Gambar 2.37: Klinik Desa Tanjung Dawai

#### **xi) Kemudahan-kemudahan lain**

Selain daripada kemudahan yang telah dinyatakan, terdapat juga gelanggang futsal, balai polis dan balai bomba sukarela di Tanjung Dawai. Pendek kata, semua kemudahan asas sesebuah pekan kecil telah ada di sini. Penduduk di sini sepatutnya berterima kasih kepada kerajaan dan pihak-pihak yang bertanggung jawab untuk menjaga keselesaan serta keselamatan mereka.

#### **vii) Klinik Desa**

Sebuah klinik desa juga dibina di Tanjung Dawai untuk kemudahan para penduduk untuk mendapat rawatan pesakit luar. Penduduk di sini boleh mendapatkan rawatan untuk sakit ringan dan imunisasi bayi di klinik desa dengan percuma.

#### **viii) Stesen Minyak Mini**

Penduduk Tanjung Dawai boleh membeli minyak petrol untuk kegunaan kereta dan motosikal mereka di sebuah stesen minyak mini yang terdapat di sini. Stesen mini ini kepunyaan Encik Kamal bin Ayob. Walau bagaimanapun, mereka ada pilihan lain untuk mengisi minyak di stesen minyak Petronas yang terletak di Pekan Merbok yang jauhnya kira-kira 10 kilometer dari Tanjung Dawai.



Gambar 2.38: Stesen minyak mini Tanjung Dawai

## F) Perkampungan Penduduk Tanjung Dawai

Dataran kampung rumah murah Tanjung Dawai merupakan satu kawasan perumahan kampung yang terdapat di Tanjung Dawai. Rumah-rumah kampung ini dibina di atas tanah-tanah lot secara tersusun. Terdapat juga beberapa buah rumah kampung yang mempunyai seni bina yang menarik dan cantik. Di samping itu, terdapat juga sebuah projek perumahan yang diberi nama projek perumahan e-sinar untuk penduduk-penduduk di sini.



Gambar 2.39: Pemandangan Dataran Kampung Rumah Murah Tanjung Dawai



Gambar 2.40: Pemandangan rumah kampung tradisional Tanjung Dawai

Gambar 2.41: Rumah perkampungan nelayan di Tanjung Dawai.



## **G) Cadangan Untuk Penambahbaikan Infrastruktur Pekan Tanjung Dawai: -**

### **1. Mesin Pengeluaran dan Deposit Wang Tunai**


Antara infrastruktur yang patut ditambah di Tanjung Dawai ini ialah mesin pengeluaran wang tunai (ATM – Auto Teller Machine) dan mesin deposit wang tunai (CDM – Cash Deposit Machine). Para peniaga yang membuka restoran dan kedai menjual barang hasilan laut juga memerlukan mesin deposit wang ini untuk menyimpan wang pendapatan harian mereka ke dalam bank. Dalam hal ini, faktor keselamatan juga perlu diambil kira. Risiko kehilangan wang tunai hasil jualan dapat dikurangkan kerana para peniaga dapat menyimpan terus wang ke dalam bank melalui mesin deposit wang setiap hari tanpa perlu ke Pekan Merbok untuk menyimpan wang mereka. Di samping itu, kadar kemalangan juga dapat dikurangkan kerana para penduduk tidak perlu berada lama di atas jalan raya untuk menyimpan wang mereka di Pekan Merbok. Para penduduk, pengunjung dan pelancong ke Tanjung Dawai juga memerlukan mesin ATM ini untuk mengeluarkan wang tunai jika mempunyai keperluan untuk menggunakan tunai.

### **2. Program kitar semula**

Dalam mengekalkan kebersihan di pekan Tanjung Dawai, program kitar semula yang diperkenalkan oleh kerajaan perlu diambil perhatian kerana mampu menjaga kebersihan alam sekitar. Bahan-bahan buangan boleh diproses semula untuk digunakan semula dan mengklasifikasikan bahan-bahan yang tidak diperlukan di dalam tong kitar semula yang telah disediakan. Sebagai contoh, bahan buangan boleh diproses menjadi baja nutrien bagi menghindarkan pembaziran dan surat khabar boleh dijadikan sebagai tisu. Melalui cara ini, sumber manusia, negara, dan kos dapat dijimatkan dan kebersihan alam sekitar akan lebih terpelihara. Tuntasnya, kita harus bekerjasama dan memainkan peranan ini untuk mengekalkan kebersihan alam sekitar. Kita tidak sepatutnya meletakkan masalah ini di atas bahu kerajaan semata-mata. Kerjasama yang erat antara rakyat Malaysia dengan kerajaan sudah pasti akan lebih bermakna dan hasilnya kelak akan dapat memuaskan hati semua orang.

### **3. Kempen kesedaran dan motivasi**

Penduduk tempatan juga perlu diberi pendidikan sivik supaya mereka sedar akan kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar dengan cara kerap mengadakan kegiatan gotong-royong membersihkan kawasan dan persekitaran yang mereka diamti. Kempen-kempen berkenaan kesihatan dan kebersihan patut dijadikan agenda bulanan atau tahunan. Melalui kempen kesedaran ini, kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar dapat dipupuk dalam masyarakat. Dengan ini, sedikit demi sedikit masalah dan hal ini dapat dibendung dan memastikan kualiti kebersihan alam sekitar sentiasa bersih dan dijaga.



## Kesimpulan

Untuk membantu penduduk Tanjung Dawai, disyorkan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO-non-government organization) turut serta untuk membantu dalam pembangunan di Tanjung Dawai. Pusat pengajian tinggi awam yang berdekatan seperti Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah telah dan akan menjalankan pelbagai program yang bermanfaat demi kepentingan penduduk-penduduk Tanjung Dawai. Dengan cara ini, banyak potensi yang dapat diketengahkan untuk membantu pembangunan di Tanjung Dawai yang seterusnya dapat meningkatkan ekonomi dan taraf hidup penduduk di Tanjung Dawai ini.

Untuk meningkatkan jumlah pelancong yang datang membeli-belah di Arked Tanjung Dawai, banyak perkara dan usaha dapat dijalankan oleh penduduk di Tanjung Dawai sendiri memandangkan kerajaan banyak memberi bantuan dari aspek infrastruktur dan kemudahan perniagaan. Untuk menjadikan Tanjung Dawai sebagai salah sebuah tempat tumpuan pelancongan yang terkenal dan menjadi pilihan utama pelancong dalam dan luar negara, penduduk dan kerajaan tempatan mestilah bekerjasama dengan serius dan bersungguh-sungguh untuk mengekalkan tahap kebersihan yang terbaik di sini. Infrastruktur dan prasarana sedia ada haruslah dinaikkan taraf untuk kemudahan dan keselesaan bersama. Tanjung Dawai adalah sebuah pekan yang berpotensi besar untuk menjadi satu tempat tumpuan pelancong yang terkenal dan tersohor di negeri Kedah Darul Aman.



Kedah Darul Aman yang kaya dengan pelbagai khazanah sejarah perlu diterokai bukan sahaja dari aspek arkeologi tetapi juga sosioekonomi serta lain-lain aspek kehidupan. Merbok dan Gunung Jerai yang merupakan dua kawasan utama yang menyumbang kepada banyak petunjuk kewujudan asal negeri Kedah sudah pastinya turut mempunyai rahsia kehidupan masyarakat yang akan terkubur jika tidak didokumentasikan. Sehubungan itu, kompilasi bab di dalam buku ini merupakan suatu usaha untuk memastikan cara hidup, pembangunan penempatan dan juga nilai-nilai murni masyarakat terdahulu di kedua-dua kawasan tersebut dapat dicatat dan disimpan di persada sejarah. Catatan dan simpanan ini merupakan peninggalan yang tidak ternilai harganya bagi menjamin kesinambungan aspek kehidupan masyarakat di negara ini.

